

05 APR 2000

Mahathir-Brunei/I (Bergambar)

SULTAN BRUNEI, HARIRI KUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 5 April (Bernama) -- Sultan Brunei Hassanal Bolkiah hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat beliau di sini, hari ini.

Dr Mahathir meluangkan masa kira-kira satu jam dengan pemimpin diraja negara minyak itu, yang berada di sini untuk lawatan rasmi sehari.

Sultan Hassanal diiringi oleh Menteri Luar Brunei, Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, yang juga menteri pengiring.

Kemudian, Dr Mahathir menerima kunjungan bekas perdana menteri Lubnan Rafic Hariri.

Hariri sebelum itu melawat Cyberjaya, satu daripada dua bandaraya pintar di dalam kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC), di mana beliau mengadakan perbincangan dengan para pegawai kanan Perbadanan Pembangunan Multimedia.

MSC, kawasan seluas 750 kilometer padu dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di Kuala Lumpur hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang, adalah pusat bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Pada satu sidang berita selepas pertemuan dengan Dr Mahathir, Hariri menganggap MSC sebagai satu "idea bernas yang boleh dicontohi oleh Lubnan".

Beliau juga menjangkakan lebih banyak jalinan hubungan perniagaan antara sektor swasta kedua-dua negara terutamanya dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan multimedia.

Katanya Yayasan Hariri, sebuah pertubuhan bukan mencari keuntungan yang mempromosikan pendidikan dan kebudayaan di Lubnan, merancang menghantar 20 pelajar program pengajian ijazah lanjutan untuk mendapat latihan dalam bidang IT di sini.

Mengenai proses damai Asia Barat yang masih dilengah-lengahkan, beliau berkata keamanan yang menyeluruh hanya boleh dicapai jika Israel keluar daripada tanah Arab di Lubnan dan Syria.

Hariri berkata: "Dengan keluar daripada Lubnan sahaja tidak mencukupi dan kami masih belum melihat sama ada mereka akan keluar sehingga ke sempadan antarabangsa."

-- BERNAMA

GM RYN NAK